



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**PROGRAM NUR RAMADAN PERINGKAT
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

15 MAC 2025

**SURAU ANNUR RAHIM
KAMPUNG SUNGAI BUTON, LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Senator Tan Sri Anifah Aman – Pengurus Perbadanan Labuan

Yang Berhormat Dato' Indera Suhaili – MP Labuan

Dato' Thomas – Timbalan Ketua Pengarah JWP

Encik Mohd Sukuran – Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan

Tuan Haji Mohamad – Pengarah Eksekutif DBKL – Selamat datang ke Labuan dan terima kasih kerana bawa 13 orang lagi delegasi dari DBKL ke program hari ini

Encik Md Fazli Md Saad – Pengurus MAIWP Labuan

Al-Fadhil Ustaz Mohd Zaki – Penolong Pengarah JAWI Labuan

Encik Adnan Ahad – Pengurus Surau Annur Rahim yang juga merupakan Ketua Kampung Sungui Buton

Yang diraikan penerima-penerima sumbangan, ketua-ketua jabatan, pemimpin-pemimpin masyarakat, rakan-rakan media dan para hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam program Nur Ramadan peringkat Labuan. Saya mengambil ruang ini untuk mengucapkan Salam Ramadan al-Mubarak kepada semua rakyat Labuan yang sentiasa dekat di hati saya. Semoga Ramadan pada kali ini memberi kita ruang untuk bermuhasabah dan lebih mendekatkan lagi diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.
2. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atas usaha sama yang dilaksanakan saban tahun ini. Program seperti ini mencerminkan usaha berterusan Kerajaan MADANI untuk menyantuni seberapa ramai mungkin rakyat yang memerlukan.
3. Sudah pasti, dengan keterlibatan semua pihak, baik agensi Kerajaan, swasta mahupun NGO, kita dapat membantu menyelesaikan isu pokok, iaitu mengeluarkan sebilangan rakyat dari kesempitan hidup, mendayaupayakan mereka dan seterusnya mereka boleh kembali menyumbang semula kepada komuniti dan negara. Inilah apa yang telah kita laksanakan di Wilayah Persekutuan ini, melalui Program Usaha Jaya Insan atau PUJI yang memberi fokus untuk mengangkat darjat kehidupan rakyat dengan sasaran akhirnya adalah untuk menoktahkan kemiskinan tegar.

4. Pada tahun lalu, 2024, kita telah pun kenal pasti seramai 228 orang Ketua Isi Rumah dalam kalangan miskin tegar melalui *locked data* yang diterima dari data e-Kasih. Alhamdulillah, dengan pelbagai usaha dan inisiatif yang Kerajaan perkenalkan dan diselaraskan melalui PUJI, kita telah pun mengeluarkan kesemua mereka ini dari belenggu dan kepompong kemiskinan. Alhamdulillah.
5. Walaupun begitu, kemiskinan tegar ini sifatnya adalah dinamik. Jadi, saya minta untuk pihak JWP dan Perbadanan Labuan untuk kenal pasti dan bantu mereka ini sedaya upaya. Jika ada ruang untuk kita mendayaupayakan mereka, bantu mereka dan laksanakan segera.
6. Kerana apa saya katakan begitu? Kerana Wilayah Persekutuan ini adalah milik kita bersama. Tambahan pula, Labuan ini tidaklah seluas mana. Kita semua adalah satu keluarga. Ibarat keluarga kita dalam kesusahan, kita wajib untuk membantu sedaya mungkin. Ini adalah tanggungjawab kita bersama.

MAIWP PERUNTUK RM 1.1 JUTA UNTUK 5,500 PENERIMA NUR RAMADAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin sekalian,

7. Alhamdulillah, pada tahun ini MAIWP telah sekali lagi memperuntukkan sejumlah 1.1 juta ringgit wang zakat untuk diagihkan kepada seramai 5,500 orang penerima yang layak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, iaitu Labuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Untuk Labuan, pada hari ini, kita akan menyantuni seramai 1,500 orang penerima.
8. Terima kasih saya ucapkan kepada MAIWP yang sentiasa menjadi rakan strategik kami, dan tidak dilupakan juga terima kasih patut kita zahirkan kepada hampir 2 juta pembayar zakat di Wilayah Persekutuan ini.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

9. Hari ini, kita telah menginjak ke separuh bulan Ramadan. Begitu cepat masa berlalu. Dalam bulan Ramadan ini, ambillah peluang untuk membuat sebanyak mungkin amal, termasuklah bersedekah. Ini kerana Ramadan ini bukan sekadar menuntut keikhlasan kita kepada Allah, tetapi juga memerlukan keprihatinan kita terhadap sesama manusia.

10. Dalam surat al-Baqarah ayat 261, Allah Subhanu Wata'ala telah berfirman, mafhumnya: Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas lagi Maha Mengetahui. – Itu janji Allah dalam al-Quran. Sesiapa yang bersedekah di jalan Allah, Dia akan ganti semula dengan ganjaran paling sedikit 10 kali ganda pahala manakala paling banyak adalah 700 kali ganda.
11. Hanya ada 3 perkara yang dibawa apabila kita mati kelak seperti yang dinyatakan dalam sebuah hadis: Apabila matinya seseorang insan, maka akan terputuslah amalannya, melainkan 3 perkara, iaitu, sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan juga anak soleh yang mendoakan kepada kedua ibu bapanya. – Insya-Allah, semoga kita dapat teruskan sifat-sifat mahmudah ini walaupun selepas Ramadan nanti.
12. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada pihak pengajur dan kepada para penerima, mudah-mudahan bantuan wang zakat ini serba sedikit dapat membantu tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk menempuh Aidilfitri yang akan kunjung tiba tidak lama sahaja lagi.
13. Untuk itu, dengan lafadz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini saya merasmikan Program Nur Ramadan peringkat Labuan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.